

Putting kitchen waste to good use

The 50 teams which took part in the recent three-day Engineering Invention 'N' Innovation Challenge (EINIC) 2007 may be

SEKALA TERBUKA, mereka diwajibkan untuk mencari idea untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan alam sekitar. Mereka yang berjaya akan mendapat hadiah dan akan mewakili Universiti Malaya dalam pertandingan EINIIC 2007.

Penyelidik Muda Mengharumkan PPKAS

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat
Jurutera Pengajar

Pada 26 hingga 28 haribulan Februari 2007 yang lalu, sebanyak dua projek penyelidikan pelajar PPKAS telah menyertai pertandingan Engineering Invention 'N' Innovation (EINIC) 2007 bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

EINIC 2007 adalah satu pertandingan rekacipta dan inovasi peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Persatuan Kejuruteraan Universiti Malaya. Ia bertujuan untuk memupuk semangat rekacipta dan inovasi di kalangan pelajar universiti dengan mengaplikasikan teori yang dipelajari semasa kuliah untuk membantu menyelesaikan masalah seharian. Pertandingan ini disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Malaysian Invention and Design Society (MINDS), The Institute of Engineers Malaysia (IEM), The Institution of Engineering and Technology (IET) dan turut menerima tajaan daripada sektor korporat.

Sebanyak 43 projek penyelidikan dari para pelajar peringkat sarjana muda dan empat projek dari peringkat sarjana dari pelbagai institusi pengajian tinggi dari seluruh negara telah mengambil bahagian dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan. Seramai 10 pelajar tahun satu Rancangan Kejuruteraan Alam Sekitar dari PPKAS yang terlibat dalam projek-projek penyelidikan ini telah bertungkus-lumus membentangkan hasil penyelidikan mereka kepada panel hakim dan turut melayan pengunjung-pengunjung kiosk pameran.

Pada upacara penutup pertandingan, projek penyelidikan 'SphagSORB: Biodegradable Adsorbent for Oil and Grease Trap', yang diketuai Saudari Nur Aqilah Sapiee telah merangkul anugerah khas iaitu Eco-Friendly Award. Walaupun masih berada dalam tahun pertama pengajian, para penyelidik muda ini telah membuktikan usia bukan penghalang untuk melibatkan diri dalam aktiviti penyelidikan dan penciptaan. Turut membanggakan juga apabila salah satu daripada tiga projek penyelidikan dari PPK Bahan, UniMAP telah mendapat hadiah saguhati dalam pertandingan ini. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Naib Presiden MINDS, Dr. Leo Ann Mean.

Pertandingan EINIC 2007 turut dilihat sebagai platform yang baik untuk mengharumkan nama PPKAS dan UniMAP secara amnya. Projek penyelidikan 'o-DAT: Organic Aeration Technology', yang diketuai Saudari Siti Nurfadilah Arshad telah mendapat liputan dalam sebuah akhbar bahasa inggeris terkemuka tempatan yang memuji usaha penyelidik-penyelidik muda ini memberi sumbangan dalam bidang pemeliharaan alam sekitar dan bidang pertanian.